

ETR 300
PERUSAHAAN IKLAN HIASAN

AQUA FISH ENTERPRISE

UNIVERSITY TEKNOLOGI MARA
SESI JUN - NOV 1999

ISI KANDUNGAN

• Surat Penyerahan Laporan Projek Keusahawan (ETR 300	i - ii
• Sekapur Sirih Seulas Pinang	iii
• Penghargaan	iv - v
• Surat Perjanjian Perkongsian	vi - x
• Borang Penamaan Waris Pengkongsi	xi
• Logo Syarikat & Penerangan Logo	1
• Lokasi	2
• Pengenalan	3
• Tujuan Syarikat	4
• Latar Belakang Perniagaan	5
• Latar Belakang Pekongsi	6 - 11
• Rancangan Pentadbiran	12 -27
• Rancangan Pemasaran	28 - 45
• Rancangan Operasi	46 - 68
• Rancangan Kewangan	69 -74
• Lampiran	xxx



INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 8hb. Julai 1999

Surat Tuan:

Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 **06-5591067**

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Alina bt. Abd. Hir	96372920
2.	Lafizah bt. Abdul Latip	97205505
3.	Farrah Suhaily bt. Safian	97205425
4.	Suhana bt. Sani	97107694
5.	Rohaiza bt. Kamis	97205704
6.	Nurhafeezah bt. Abdul Haleem	97107543

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

SHAHARIAH HJ. OSMAN
Ketua Kursus DBS
ITM Melaka.
b/p Provos

Kumpulan Projek Perusahaan Ikan Hiasan
Aqua Fish Enterprise
Diploma Pengajian Perniagaan
Universiti Teknologi Mara
Melaka.

12 Oktober 1999

Puan Zubaidah Zahiruddin
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)
Universiti Teknologi Mara ,
Melaka.

Puan

Rancangan Perniagaan Projek Perusahaan Ikan Hiasan

Merujuk kepada perkara di atas, kami Aqua Fish Enterprise telah pun menyiapkan Rancangan Perniagaan untuk memenuhi mata pelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) seperti yang dikehendaki.

Rancangan Perniagaan ini menyiapkan maklumat-maklumat yang dikehendaki bagi menubuhkan sebuah perniagaan yang membiak, menternak dan membekalkan Ikan Kelisa Emas kepada penjual-penjual ikan di Melaka. Kami berharap agar puan berpuas hati dengan hasil usaha kami yang tidak seberapa ini.

Sekian Terima Kasih

Yang Benar

(Nur Hafeezah Bt Abdul Haleem)

PENGENALAN

Projek Rancangan Perniagaan ini adalah merupakan rancangan bersama untuk menubuhkan satu perusahaan penternakan Ikan Hiasan yang pada masa sekarang ini mempunyai permintaan yang semakin menggalakkan dari masyarakat di sekitar Melaka.

Kami menjalankan perniagaan membiak, menternak dan membekalkan Ikan Kelisa Emas kepada penjual-penjual ikan di Melaka. Jenis perniagaan kami adalah secara perkongsian. Perniagaan yang kami usahakan ini adalah terletak di No 173 Km 23 Jalan Bukit Senggeh, Selandar Jasin Melaka dan telah dipersetujui dan dinamakan AQUA FISH ENTERPRISE .Hasil daripada penelitian yang telah kami jalankan, kami dapati kawasan ini kurang persaingan maka tercetuslah idea untuk menjalankan perniagaan ini.

Di samping itu perkembangan bidang perniagaan ini adalah menggalakkan dan menjamin pembekalan ikan hiasan yang berterusan di pasaran. Maka dengan ini adalah menjadi dasar perniagaan kami iaitu AQUA FISH ENTERPRISE ditubuhkan untuk mengembangkan serta meningkatkan perusahaan Ikan Hiasan di kalangan bumipetera bagi memenuhi permintaan masyarakat sekitar yang semakin meningkat.

AQUA FISH ENTERPRISE dijangka memulakan perniagaan pada Januari 2003 dan lokasinya terletak di Bukit Senggeh, Selandar, Jasin, Melaka dan mempunyai prospek yang baik untuk maju serta mampu bersaing dengan pembekal yang lain. Lokasi ini adalah strategik di mana keadaan muka bumi yang sesuai , sumber air bukit yang mudah didapati dan mencukupi serta mempunyai perhubungan jalan raya yang baik dan cekap. Ini akan memudahkan pengusaha-pengusaha kedai ikan hiasan untuk berurusniaga dengan kami.